

PROFESIONALISME KERJA SOSIAL DI MALAYSIA DARI SUDUT PERUNDANGAN

Social Work Professionalism in Malaysia from the Legislation Perspective

Mohd Azahari bin Mohd Daut (mazahari@jkm.gov.my)
Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa
Jabatan Kebajikan Masyarakat, Malaysia

Abstract

Social work is a professional activity based on principles, values and ethics, knowledge, skills, and systematic methods to help individuals, families, groups, and communities to increase and restore their social functional capacity. Changes in lifestyle, family management, changes in the economic status of individuals and families, and other factors contributed to various social issues such as domestic violence, child abuse, and scrounging. A competent social worker is required to address these complex and challenging social issues. It also requires a holistic approach involving the public, private and non-governmental organizations. Standardization of social work education curriculum at the tertiary institution, knowledge and career development of skills-based social work, establishment of a professional regulatory body, and the formulation of legislation related to the Social Work profession are a catalyst for the production of competent social workers. Those initiatives meet stakeholders' expectations of the community's well-being, which aligns with the government's commitment. This conceptual paper discusses specific legislation related to the social work profession towards delivering professional and quality social work services to the community.

Keywords: Social Work, Social Work Profession, Social Workers, Social Work Legislation, Social Work Professionalism.

Pendahuluan

Kerja sosial adalah satu profesion ikhtisas perkhidmatan manusia yang berasaskan kepada ilmu pengetahuan, nilai dan kemahiran dalam perhubungan manusia. Matlamat utama kerja sosial adalah membangunkan keupayaan serta fungsi sosial individu, keluarga, kumpulan, organisasi dan masyarakat ke arah kesejahteraan hidup. Kerja sosial telah mengalami beberapa evolusi berdasarkan perkembangan dan keperluan masyarakat semasa. Ini berikutan perkembangan perindustrian yang pesat, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), globalisasi, perubahan sosiobudaya dan pola kekeluargaan serta kelonggaran jaringan sokongan tradisional dan yang terkini wabak pandemik, penularan COVID-19 (Rachelle, 2022).

Dalam konteks Malaysia, tidak terdapat satu statistik rasmi berkaitan bilangan pekerja sosial. Ini kerana tiada satu perundangan dan badan kawal selia yang melaksanakan pendaftaran profesion ini sebagaimana profesion-profesion profesional seperti pegawai perubatan, jururawat, peguam dan jurutera. Di Malaysia, bidang kerja sosial dipraktiskan merentas pelbagai kementerian, agensi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) malah meliputi individu dalam sektor perkhidmatan kebajikan, pendidikan, koreksional dan kesihatan.

Perkembangan formal program kebajikan sosial telah wujud sejak tahun 1912 dengan wujudnya satu jabatan khusus semasa pentadbiran penjajah British (Abdul Razak, 2019). Antara objektif utama jabatan ini adalah untuk meningkatkan kesejahteraan dan menangani isu berkaitan pekerja migran pada ketika itu. Sekitar tahun 1930-an, jabatan ini dimansuhkan dan pada tahun 1937, sebuah Jabatan Perkhidmatan Sosial ditubuhkan oleh pihak British di pejabat kolonial di Tanah Melayu untuk menguruskan hal-hal berkaitan polisi sosial serta kebajikan semasa era penjajahan. Jabatan ini menguruskan perkhidmatan pendidikan, buruh, kesihatan dan perkhidmatan sosial pekerja migran, serta mengurus isu-isu sosial seperti kemiskinan (Abdul Razak, 2019). Walaupun di awal perkembangan Jabatan Perkhidmatan Sosial di era kolonial memberi fokus kepada kebajikan pekerja migran, ianya merupakan suatu permulaan awal kepada pendekatan profesion kerja sosial yang sistematik di Malaysia yang melibatkan pengetahuan, nilai dan etika.

Jabatan Kebajikan Sosial Malaya telah diwujudkan pada tahun 1946 dan kemudiannya dinamakan Jabatan Kebajikan Masyarakat, telah mengalami pelbagai evolusi sejak dari awal penubuhannya (Siti Hajar et al., 2020). Jabatan Kebajikan Masyarakat ini ditubuhkan bagi menangani isu-isu pasca Perang Dunia

Kedua seperti kemiskinan, penyakit, kekurangan zat makanan dan kenakalan remaja, yang mendorong pemerintah kolonial ketika itu untuk memperkenalkan pendekatan remedi bagi menangani masalah ketidaksejahteraan sosial yang meluas (Nurruzeyati, 2019). Perkhidmatan jabatan pada awal penubuhan hanya tertumpu kepada penyampaian bantuan kewangan kepada keluarga miskin, program seliaan kes kenakalan kanak-kanak, rumah perlindungan kepada wanita dan gadis serta penjagaan kepada orang kurang upaya (OKU) dan warga emas (Samir et al., 2020).

Pada tahun 1964, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menjadi Kementerian Kebajikan Masyarakat yang bertanggungjawab bukan hanya memberikan perkhidmatan sedia ada malah peranannya telah diperluaskan dengan melaksanakan polisi kerajaan yang berkait dengan kebajikan seperti kerja kes, pengangkatan, pendaftaran anak angkat, cubaan akhlak, pengendalian dan urusan institusi kanak-kanak, warga emas serta OKU. Pada tahun 2004, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sehingga sekarang (Zulazhar et al., 2015). Pada umumnya, sehingga Jun 2021, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai bilangan pegawai dan kakitangan Skim Sosial (Skim S) yang teramai dengan jumlah 3,814 orang yang skop tugas mereka melibatkan pengurusan kes (*case management*). Skop tugas pengurusan kes ini bukan hanya tertumpu kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Malah, beberapa kementerian awam yang lain seperti Kementerian Kesihatan Malaysia juga mempunyai pekerja sosial terlatih; iaitu Pekerja Sosial Perubatan (Ismail, 2011).

Persatuan Pekerja Sosial Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1973 sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab dalam pembangunan kerja sosial di Malaysia. Antara objektif penubuhan Persatuan Pekerja Sosial Malaysia adalah untuk mempromosi dan mengawal kualiti profesion kerja sosial. Persatuan Pekerja Sosial Malaysia memainkan peranan penting kepada pembangunan kerja sosial di Malaysia menerusi penglibatan aktifnya dalam pembentangan kertas kerja di dalam mahupun di luar negara, selain terlibat dalam program-program pembangunan profesion di peringkat kementerian mahupun persatuan.

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga terlibat dalam profesion kerja sosial ini. Penglibatan kerja kebajikan ini telah bermula sebelum kewujudan Jabatan Kebajikan Masyarakat, iaitu semasa era penjajahan British (Jayasooria, 2016). Tidak dinafikan, sumbangan persatuan, pertubuhan bukan kerajaan,

badan amal dan keagamaan yang berbentuk kebajikan banyak membantu masyarakat dan komuniti pada era tersebut menangani isu-isu sosial. Pendekatan pertubuhan bukan kerajaan ini dilihat lebih mudah diakses dan disampaikan kepada masyarakat pada ketika itu memandangkan strukturnya tidak terlalu formal serta kurang birokratik (Abdul Razak et al., 2021).

Perkembangan pesat kerja sosial di Malaysia telah membawa kepada perubahan dimensi penyampaian perkhidmatan kebajikan yang memerlukan usaha meningkatkan profesionalisme kerja sosial. Usaha ini telah menjurus kepada pembangunan perundangan dan implikasi kewujudan suatu akta berkaitan profesion kerja sosial dalam mendepani isu-isu semasa yang semakin kompleks serta memerlukan intervensi sosial daripada pekerja sosial yang kompeten ke arah kesejahteraan masyarakat.

Proses Penggubalan Undang-Undang di Malaysia

Undang-undang boleh didefinisikan sebagai apa-apa yang telah digubal atau ditentukan oleh sesuatu pihak berkuasa, yang mempunyai implikasi undang-undang. Undang-undang adalah peraturan-peraturan mengenai perakuan yang mesti dipatuhi oleh semua rakyat dan tertakluk kepada tindakan undang-undang. Undang-undang digubal untuk mengawal dan mengatur kehidupan masyarakat dan menjaga hak-hak dan kewajipan bagi mewujudkan satu sistem kehidupan yang adil dalam masyarakat (Musolf, 2019).

Penggubalan sesuatu akta di Malaysia melalui proses sebagaimana yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan. Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen di bawah pentadbiran raja berpelembagaan (Victoria, 2018). Sistem ini mempunyai tiga cabang iaitu perundangan, eksekutif dan kehakiman. Parlimen adalah badan perundangan tertinggi di negara ini. Parlimen merangkumi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merupakan ketua negara yang unggul. Baginda dipilih memegang tampuk pemerintahan negara selama tempoh lima tahun oleh Majlis Raja-Raja. Parlimen meluluskan undang-undang, membuat pindaan kepada undang-undang yang sedia ada, meluluskan cukai-cukai baharu, menyemak dasar-dasar kerajaan dan meluluskan perbelanjaan kerajaan (Hasbollah & Ramalinggam, 2022). Sesuatu rang undang-undang yang diluluskan menjadi undang-undang atau akta mesti melalui proses bacaan kali pertama, bacaan kali kedua, bacaan kali ketiga, perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, diwarta dan dicetak. Proses-proses ini berlaku di kedua-dua Dewan iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Walau

bagaimanapun, di Dewan Negara, Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Rang Undang-undang Perbekalan Tahunan tidak akan melalui peringkat Jawatankuasa dan akan terus kepada bacaan kali ketiga.

Komitmen Kerajaan Ke Arah Meningkatkan Profesionalisme Kerja Sosial

Dalam usaha meningkatkan profesionalisme kerja sosial di Malaysia, kerajaan menerusi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta agensi di bawahnya seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat memberikan komitmen penuh dalam penggubalan suatu perundangan khusus berkaitan profesion kerja sosial. Pelbagai inisiatif telah diambil dalam memastikan perundangan baharu ini diterima pakai oleh semua pihak. Antaranya adalah mengadakan sesi konsultasi dengan semua Kerajaan Negeri, pekerja sosial dalam sektor awam, sektor pendidikan dan pengamal kerja sosial dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Bagi memastikan perundangan ini menepati piawaian perundangan sedia ada, penggubalan perundangan ini juga mengambil kira perundangan profesion lain yang sedia ada di Malaysia dan perundangan berkaitan pekerja sosial dari negara lain seperti Thailand, Filipina dan United Kingdom.

Usaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini diperkukuhkan lagi melalui komitmen yang dinyatakan dalam Pelan Strategik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tahun 2021 hingga 2025 di mana salah satu langkah strategik yang dinyatakan dalam dokumen ini adalah untuk menjadikan perkhidmatan kerja sosial sebagai perkhidmatan yang profesional. Di peringkat ASEAN, komitmen Malaysia dalam mengiktiraf profesion kerja sosial diperkukuhkan lagi dengan penglibatan secara langsung dalam proses merangka dokumen *Roadmap to Implement Ha Noi Declaration on Strengthening Social Work Towards Cohesive and Responsive ASEAN Community*. Dokumen ini menjadi garis panduan negara anggota ASEAN dalam mempromosi kerja sosial serta mempertingkatkan peranan dan kapasiti pekerja sosial dalam pelbagai bidang. Bagi memastikan profesion kerja sosial di Malaysia dikenali dengan lebih meluas, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga giat menjalankan sesi advokasi dan promosi berkenaan profesion ini, menerusi media arus perdana dan media sosial.

Dari aspek penawaran program berteraskan kerja sosial pula, lapan institusi pengajian tinggi awam menawarkan program kerja sosial di peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah. Universiti-universiti awam tersebut

adalah Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Sultan Zainal Abidin dan Universiti Putra Malaysia. Manakala, dua institusi pengajian swasta yang turut menawarkan pendidikan di peringkat Diploma Kerja Sosial adalah Methodist College, Kuala Lumpur dan Methodist Pilley Institute, Sarawak.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat yang dilantik sebagai Badan Peneraju Industri (*Industry Lead Body*, ILB) oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) juga menawarkan kursus-kursus melalui Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) Kerja Sosial seperti Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5 dalam bidang Kerja Sosial. Kursus-kursus yang ditawarkan ini bertujuan untuk meningkatkan kompetensi pengamal kerja sosial yang layak dan seterusnya meningkatkan jumlah pekerja sosial di Malaysia.

Perundangan Berkaitan Profesion Kerja Sosial

Buat masa ini, Malaysia masih belum mempunyai suatu perundangan atau akta khusus berkaitan profesion kerja sosial. Penggubalan perundangan kerja sosial mempunyai beberapa kepentingan kepada profesion kerja sosial (Barsky, 2015). Umumnya, perkembangan awal berkaitan kerja sosial telah wujud sejak tahun 1912 dan berkembang pesat di Malaysia sehingga kini setelah negara mencapai kemerdekaan lebih 64 tahun yang lalu. Jika dilihat dari aspek pendidikan, bidang kerja sosial telah mula bertapak lebih dari empat dekad dengan Universiti Sains Malaysia sebagai pelopor (Samir et al., 2020).

Di samping itu, Malaysia juga mempunyai dasar-dasar berkaitan sosial yang mendokong kepada pembangunan dan kesejahteraan masyarakat iaitu Dasar Kebajikan Masyarakat Negara dan Dasar Sosial Negara. Dasar Kebajikan Masyarakat Negara bermatlamatkan masyarakat sejahtera dan teguh untuk kemajuan negara yang bertujuan untuk mewujudkan masyarakat yang berdikari, menikmati peluang yang sama dan mengamalkan budaya ikram. Dasar Sosial Negara pula telah dilancarkan oleh kerajaan pada tahun 2003 sebagai dasar pembangunan sosial yang bertunjangkan kepada peningkatan keupayaan insan dan nilai-nilai murni demi mencapai kestabilan dan kesepaduan sosial, ketahanan nasional dan kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia yang maju dan mantap. Kedua-dua dasar ini menjadi asas kepada pembangunan

perundangan kerja sosial yang menjurus kepada kebajikan dan sokongan sosial kumpulan rentan. Kedua-dua dasar tersebut juga disokong oleh dasar-dasar sosial lain yang lebih khusus, seperti Dasar Warga Emas Negara, Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara, Dasar Kanak-kanak Negara, dan Dasar Orang Kurang Upaya.

Dari perspektif akta-akta yang berkaitan kebajikan sosial kumpulan sasaran, Jabatan Kebajikan Masyarakat terlibat secara langsung dalam penyampaian perkhidmatan kebajikan sosial serta pengurusan kes, yang diselia dalam ruang lingkup kuasa tujuh akta berikut:

- i) *Akta Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat (Diperbadankan), 1948.* Akta ini memperihalkan berkaitan peranan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dalam perbadanan dan hal-hal lain yang berkaitan dengannya.
- ii) *Akta Orang-orang Papa, 1977.* Akta ini digubal bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi menjaga dan memulihkan pengemis dan peleser sebagaimana tafsiran akta.
- iii) *Akta Taman Asuhan Kanak-kanak, 1994.* Akta ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pemeriksaan dan penguatkuasaan ke atas TASKA demi menentukan kesejahteraan, keselamatan dan perkembangan menyeluruh kanak-kanak.
- iv) *Akta Pusat Jagaan, 1993.* Akta ini digubal bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pemeriksaan dan penguatkuasaan ke atas pusat jagaan demi menentukan kebajikan, kesejahteraan dan keselamatan penghuni diutamakan.
- v) *Akta Keganasan Rumah Tangga, 1993.* Akta ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan kepada mangsa-mangsa keganasan rumah tangga.
- vi) *Akta Kanak-kanak, 2001.* Akta ini digubal bagi aspek pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak. Akta ini turut mengiktiraf peranan dan tanggungjawab keluarga terhadap kebajikan kanak-kanak.
- vii) *Akta Orang Kurang Upaya, 2008.* Akta ini bertujuan untuk memperihalkan berkaitan pendaftaran, perlindungan, pemulihan, pembangunan dan kesejahteraan peluang dan penyertaan penuh orang kurang upaya (OKU) dalam masyarakat.

Usaha-usaha ke arah profesionalisme profesion kerja sosial di Malaysia telah dimulakan menerusi Memorandum Jemaah Menteri bertajuk "Meningkatkan

Profesionalisme Dalam Bidang Kerja Sosial” pada tahun 2010. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Persatuan Pekerja Sosial Malaysia, Para Akademik dan United Nations Children’s Emergency Fund (UNICEF) telah menerajui era baharu profesionalisme dalam bidang kerja sosial berlandaskan praktis terbaik di peringkat antarabangsa yang berasaskan kompetensi. Inisiatif ini adalah bertepatan pada masanya bagi memacu penyampaian perkhidmatan sosial yang berkualiti dan berkesan demi menjamin kepentingan, kesejahteraan dan keselamatan masyarakat. Selain itu, inisiatif ini juga bertujuan untuk meningkatkan penyampaian intervensi kerja sosial dalam menangani masalah sosial yang semakin kompleks dan mencabar.

Gerak kerja dan usaha bagi pengiktirafan profesion melalui pendekatan perundangan telah dimulakan susulan daripada Memorandum Jemaah Menteri ini. Kerja-kerja awalan dan tindakan persediaan yang telah dibuat sepanjang 11 tahun yang lalu adalah meliputi pengukuhan dan ketersediaan dalam aspek pembangunan manual, modul latihan dan kompetensi, penyeliaan, pengiktirafan dan pengukuhan dari segi program akademik dan piawaian kemahiran pekerjaan kebangsaan serta persijilan kemahiran, profiling serta sesi libat urus bersama pemegang taruh yang membawa kepada penyediaan penggubalan suatu draf perundangan berkaitan profesion kerja sosial.

Komitmen kerajaan terhadap penggubalan Rang Undang-undang Profesion Kerja Sosial telah dimasyhurkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa Istiadat Pembukaan Parlimen Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas pada 18 Mei 2020. Intipati daripada titah tersebut adalah, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyambut baik penggubalan Rang Undang-undang Profesion Kerja Sosial dalam mendepani cabaran sosial yang mencabar dan dinamik dalam usaha menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat terutama kanak-kanak, wanita, warga emas yang rentan (berisiko), orang kurang upaya dan golongan yang memerlukan.

Keputusan Suatu Perundangan Berkaitan Profesion Kerja Sosial

Kewujudan suatu akta berkaitan profesion kerja sosial meningkatkan piawaian perkhidmatan kerja sosial agar setanding dengan profesion profesional yang lain melalui pendaftaran pekerja sosial (Newcomb, 2021). Sepertimana profesion lain, contohnya perubatan, kejuruteraan dan perundangan yang

dikawal selia oleh badan “*regulatory bodies*” masing-masing, profesion kerja sosial juga perlu dikawal selia. Pendaftaran pekerja sosial memainkan peranan penting dalam memastikan rakyat mendapat perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan meningkatkan keyakinan orang ramai dalam perkhidmatan sosial.

Selain itu juga, objektif penggubalan suatu perundangan berkaitan profesion kerja sosial di Malaysia atau Rang Undang-undang Profesion Kerja Sosial mampu memastikan amalan kerja sosial yang kompeten dalam penyampaian perkhidmatan kebajikan sosial. Ini secara tidak langsung dapat memberikan perlindungan kepada masyarakat yang menerima perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja sosial berdaftar di Malaysia mahupun pekerja sosial luar yang mengamalkan kerja sosial di Malaysia daripada amalan kerja sosial yang tidak profesional dan tidak beretika.

Sejarah telah membuktikan pemodenan mewujudkan permasalahan sosial yang terhasil daripada tindak balas individu terhadap persekitaran sosialnya bagi menghadapi kehidupan yang mencabar (Garcia, 2021). Bagi menangani permasalahan ini, pihak berwajib terpaksa menghulurkan bantuan dan mekanisme terbaik penyampaian perkhidmatan adalah dengan melahirkan pakar-pakar dalam bidang kerja sosial (Milner, 2015). Dalam melahirkan pekerja sosial yang berpengetahuan, berkemahiran serta dapat mengaplikasi prinsip, nilai dan etika kerja sosial yang kompeten dan berterusan, pendidikan dalam bidang kerja sosial di institusi pengajian tinggi merupakan salah satu elemen penting dan menjadi prasyarat utama ke arah mencapai objektif tersebut (Turner, 2017).

Penggubalan suatu perundangan berkaitan profesion kerja sosial mampu memastikan penyediaan pendidikan dan latihan kerja sosial yang berkualiti tinggi bagi penghasilan graduan kerja sosial yang kompeten. Ketiadaan akta khusus berkaitan profesion kerja sosial bagi menyokong satu kurikulum kerja sosial yang terpiawai menyumbang kepada struktur akademik kerja sosial kurang jelas (Mohd Alif, 2022). Penggubalan perundangan ini akan menjadi pemangkin kepada institusi pengajian tinggi dalam menyediakan kurikulum kerja sosial yang komprehensif dan seragam. Ini menjamin kepada penawaran silibus pengajian, tempoh pengajian dan penyeliaan merentas institusi pengajian tinggi yang dapat menarik minat pelajar untuk memilih program kerja sosial sebagai pilihan kerjaya di masa hadapan. Penghasilan ramai graduan kerja sosial ini membekalkan sumber tenaga kerja mahir dalam bidang kerja sosial yang dapat memenuhi permintaan perkhidmatan kerja sosial di sektor awam, swasta mahupun di badan bukan kerajaan (Samir et al., 2019).

Seterusnya, penggubalan suatu perundangan berkaitan profesion kerja sosial juga dapat memastikan pembangunan profesionalisme dan kecekapan amalan berterusan menerusi pembangunan profesional berterusan (*continuing professional development*). Pembangunan profesional berterusan ini membolehkan pekerja sosial mengekalkan, memperbaiki dan meluaskan pengetahuan profesional, kepakaran dan kecekapan mereka dalam melunaskan tanggungjawab mereka menyediakan amalan kerja sosial yang beretika, berkesan, selamat dan cekap. Ini sekali gus akan dapat meningkatkan martabat profesionalisme pengamal kerja sosial serta meningkatkan pengiktirafan dan akreditasi antarabangsa terhadap amalan kerja sosial di Malaysia.

Penggubalan suatu perundangan profesion kerja sosial ini juga akan menjadi punca kuasa kepada sesuatu tugas dan perkhidmatan; terutamanya pengkhususan skop perkhidmatan kanak-kanak, warga emas, OKU, pesalah muda, perkhidmatan koreksional, perkhidmatan kesejahteraan keluarga, pentadbiran, polisi, pendidikan dan kajian berkaitan kerja sosial dan sebagainya. Ini seterusnya akan melahirkan lebih ramai pekerja sosial yang berkemahiran dan kompeten di Malaysia dalam bidang kepakaran yang menjurus atau pakar bidang (*subject matter expert*) serta dapat disimpan menerusi pangkalan data bersepadu dengan cara pendaftaran dan perakuan amalan. Secara tidak langsung, ini akan dapat membantu individu, keluarga, kumpulan dan komuniti dalam mengakses perkhidmatan kerja sosial dengan mudah menerusi direktori pekerja sosial atau penyedia perkhidmatan kerja sosial. Pendekatan ini akan dapat membantu meningkatkan atau mengembalikan kapasiti kefungsi sosial mereka dalam keadaan persekitaran yang dinamik, mencabar dan ketidaktentuan dengan lebih sistematik.

Berdasarkan kajian pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) pada tahun 2019, nisbah pekerja sosial di JKM berbanding populasi penduduk di Malaysia adalah 1:8,576 (Seorang pekerja sosial di JKM kepada 8,576 orang penduduk Malaysia). Nisbah ini dilihat amat besar jika dibandingkan dengan negara-negara lain seperti 1:490 di Amerika Syarikat, 1:1,040 di Australia, 1:3,025 di United Kingdom. Kewujudan perundangan berkaitan profesion kerja sosial ini nanti membantu mewujudkan nisbah keperluan yang ideal untuk perkhidmatan kerja sosial di Malaysia secara inklusif dan holistik merentas pelbagai kementerian, agensi di sektor kerajaan mahupun di sektor swasta serta pertubuhan bukan kerajaan tanpa meletakkan angka relatif ke atas sesuatu agensi sahaja.

Penggubalan undang-undang khusus berkaitan kerja sosial juga membantu di dalam menjelaskan skop aktiviti dan perkhidmatan profesion kerja sosial kepada masyarakat umum. Ia juga membantu mengikis tanggapan masyarakat yang melihat profesion ini sebagai aktiviti kebajikan, kerja amal dan kerja sukarela semata-mata, seterusnya mampu menarik lebih ramai masyarakat untuk menyertai profesion ini (Schwarzer et al., 2016). Perundangan berkaitan profesion kerja sosial juga dapat menjelaskan kepada pihak berkepentingan tentang segala tugas dan tanggungjawab pelbagai agensi sosial dan pemberi bantuan yang lain supaya tidak berlaku pertindihan peranan.

Pendek kata, penggubalan undang-undang berkaitan profesion kerja sosial mampu menjadi landasan dalam memartabatkan dan mendaya upaya amalan profesion kerja sosial di Malaysia. Di samping itu, perundangan ini akan menjadi suatu pemangkin dan punca kuasa kepada pengamal kerja sosial di peringkat pertubuhan bukan kerajaan dan individu dalam melaksanakan program-program dasar serta menjadi rakan strategik kepada jabatan dan agensi kerajaan berkaitan terutamanya dalam penyampaian perkhidmatan berteraskan kerja sosial menerusi kolaborasi strategik. Perundangan berkaitan profesion kerja sosial ini juga akan memantapkan lagi sistem kebajikan sosial dan perkhidmatan manusia dalam negara (Samir et al., 2020). Sebagai contoh, pekerja sosial boleh mencadangkan kepada kerajaan berkaitan perkhidmatan kemanusiaan yang terbaik kepada golongan sasaran tertentu bagi memenuhi atau mengembalikan kefungsi sosial kumpulan tersebut yang didasari oleh pengetahuan dalam bidang kerja sosial. Penyedia perkhidmatan atau kerajaan pula akan dapat menyediakan intervensi terbaik bagi sesuatu isu yang timbul. Pekerja sosial juga boleh terlibat dalam beberapa aktiviti yang tidak pernah dilakukan oleh pihak berwajib (Smith, 2019). Ini sekali gus menjadi nilai tambah kepada pentadbiran sesebuah negara dalam memastikan kebajikan rakyat terpelihara.

Kesimpulan

Usaha-usaha membangunkan profesionalisme kerja sosial di Malaysia memerlukan pendekatan multi-sektoral yang konsisten, yang melibatkan pelbagai pihak seperti kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, pengamal kerja sosial di industri dan para akademik dalam memastikan profesion ini relevan dan setanding dengan profesion profesional lain yang telah diiktiraf. Pemahaman berkaitan kerja sosial perlu ditekankan kepada masyarakat agar pengertian kerja sosial dapat difahami dengan lebih jelas dan dapat dibezakan dengan kerja amal, kerja sukarela dan kerja kebajikan. Komitmen kerajaan dalam

pembangunan yang inklusif sebagaimana yang terkandung dalam Rancangan Malaysia, dasar-dasar lain antaranya Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 serta komitmen antarabangsa seperti *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)*, *Convention on the Rights of Children (CRC)*, *Convention on the Rights of Persons With Disabilities (CRPD)* dan *Sustainable Development Goals (SDG)* memerlukan pekerja sosial yang berpengetahuan, berkemahiran dan kompeten dalam merancang dan melaksana pelan tindakan bagi mencapai agenda dan matlamat yang digariskan demi kelangsungan serta menjamin kesejahteraan hidup kumpulan sasar. Justeru, penggubalan suatu perundangan berkaitan profesion kerja sosial merupakan pemangkin kepada penyampaian perkhidmatan sosial yang berkualiti.

Rujukan

Abdul Razak A. M, R., Ahmad Shukri A. H, Azlin Hilma H., Fatimah Zailly A. R, Fuziah S, Md. Zawawi A. B, Noor Azizah A, Nurruzeyati C. M, Norzalinda M. A. H, Nurhazlina M. A, Rajwani M. Z, Rusimah S, Sharima Ruwaida A, Hua T. A., Yusmarhaini Y, Zakiah, J., Zarina M. S. (2021). *Pengantar Kerja Sosial*. UUM Press.

Abdul Razak A. M. (2019). *Modul Kerja Sosial Asas*. Pusat Pengajian Psikologi Gunaan Dasar dan Kerja Sosial. UUM Press.

Adam Andani M., Md. Sayed U., M. S., Bougangué, B. (2020) Starting the Indigenisation Process of Social Work Practice in Malaysia. *Social Work & Society*, (18)1-14.

Barsky, A. E. (2015). *Social Work and the Law Refer to the Interface Between the Practice of Social Work and the Legal System*. Ayer Company Publication.

García, H. A. (2021). Social policy and Economic Development. *Legal Experiments for Development in Latin America*, 82-101.

Hasbollah M. S., H., & Ramalingam, R. (2022). Perlembagaan Persekutuan Dan Undang-undang Spesifik Yang Berkaitan Dengan Pendidikan Di Malaysia serta Hubungannya dengan Kebebasan Ahli Akademik. *Kanun Jurnal Undang-undang Malaysia*, 34(2), 225-260.

Ismail, B, (2011). *Kerja Sosial di Malaysia: Perkembangan, Hala Tuju dan Cabaran. Kertas kerja Seminar Pendidikan Kerja sosial*. Bandung, Indonesia: Sekolah Tinggi Kerja Sosial Bandung.

Jayasooria, D. (2016). Sustainable Development Goals and Social Work: Opportunities and Challenges for Social Work Practice in Malaysia, *Journal of Human Rights and Social Work*, 1:19-29.

Mohd Alif J., (2022). Cabaran Dan Keperluan Praktis Kerja Sosial dalam Membantu Sistem Perundangan Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(7).

Milner, J., Myers, S., & O'Byrne, P. (2015) *Assessment in social work*. Macmillan International Higher Education.

Musolf, L. D. (2019). *Malaysia's Parliamentary System: Representative Politics and Policymaking in a Divided Society*. Routledge.

Newcomb, M. (2021). Supportive Social Work Supervision as an Act of Care: A Conceptual Model. *The British Journal of Social Work*, 52(2), 1070-1088.

Nurruzeyati C. M. (2019). *Prinsip Asas Dan Perkembangan Kerja Sosial Di Malaysia*. UUM Press.

Rachelle, A., Deepy, S., Andrea, G., & Peter, D. (2022) The Impact of the COVID-19 Pandemic on Social Workers at the Fronline: A Survey of Canadian Social Workers. *British Journal of Social Work* 52, 1724-1746.

Samir M, Mohd Suhaimi, M & Muhd. Dhamir, A, (2020). Analisa Perspektif Kepentingan Akta Profesion Kerja Sosial di Malaysia: The Perspective of Significance of the Social Work Professionals Act in Malaysia. *'Abqari Journal*, 23(1), 196-212.

Samir M, Mohd Suhaimi, M, tunku Latifah T, A. (2019). The Development of Social Work Undergraduate Programs in Malaysia Public Universities: Issues, Challenges and Opportunities. *Social Sciences & Humanities*. 27(S1):45-59.

Schwarzer, B., Kämmerer-Rütten, U., Schleyer-Lindenmann, A., & Wang, Y. (2016). *Transnational Social Work and Social Welfare: Challenges For The Social Work Profession*. Routledge.

Smith, R. (2019). Social Work as Policy Innovator: Challenges and Possibilities in The UK. *Social Work and the Making of Social Policy*, 21-36.

Siti Hajar A. B, Haris A. B, Noralina O, Mashitah H, Zaiton A, Al Azmi B, Mohd Razman A. M & Azreen R. (2020). Tahap Pengamalan Praktis Kerja Sosial Dalam Kalangan Pegawai Kebajikan Masyarakat Di Malaysia [The level of social work practice among Malaysian social welfare officers]. *Journal of Nusantara Studies*, 5(2), 68-85.

Teks Titah DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada Istiadat Pembukaan Parlimen Penggal Ketiga, Parlimen Ke Empat Belas pada 18 Mei 2020. Retrieved July 1, 2021, from <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/agong/TITAH%20DIRAJA/Titah%20Diraja%202020%20BM%20-%2018%20Mei%202020%20.pdf>.

Turner, F. J. (2017). *Social Work Treatment: Interlocking Theoretical Approaches* (6th. Ed). Oxford University Press.

Victoria, O. A., & Ameer, F. (2018). Systems and Political Development in Malaysia. *Jurnal Akta*, 5(3), 661.

Zulazhar T., Sridevi T., Jal Zabdi M. Y, & Siti Norsyuhada R. (2015). Akta Orang Kurang Upaya (Akta 685): Dari Konsep Kebajikan kepada Konsep Hak Asasi. *The Law Review, Sweet & Maxwell*, 603.